



[cfa.vic.gov.au/languages](http://cfa.vic.gov.au/languages)



**Bolehkah Saya  
barbeku?**

**Sebelum anda menggunakan alat barbeku atau menyalaakan api untuk memasak di luar rumah, semak dahulu.**

- **Adakah Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Period) sedang berkuatkuasa?**
- **Adakah Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Day) telah diisytiharkan?**

**Peraturan tentang api untuk memasak\* boleh berubah bergantung kepada bila masanya dalam tahun itu dan juga tempat anda di Victoria.**



## **Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Periods)**

Semasa Tempoh Bahaya Kebakaran anda tidak boleh menyalaakan api atau menggunakan alat barbeku untuk memasak melainkan anda mengikut peraturan ini:

- Angin mestilah kurang daripada 10 km/j. Ini bermakna daun-daun bergerak dalam angin.
- Jika daun bergerak ditiup angin, jangan nyalakan api.
- Jangan biarkan api atau barbeku begitu sahaja. Seseorang yang berkeupayaan memadamkan api hendaklah sentiasa berada di tepi api.
- Barbeku mesti dimatikan atau api harus dipadamkan sepenuhnya apabila selesai.



## **Tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Days)**

Anda boleh menggunakan alat barbeku gas atau elektrik tetapi anda mesti:

- Ikuti peraturan yang sama untuk Tempoh Bahaya Kebakaran dan sediakan air untuk memadamkan api.
- Anda harus menyediakan 10 liter air, atau hos yang telah disambungkan ke pili air dan sedia untuk digunakan.

Anda tidak boleh memasak di luar dengan menggunakan bahan api pepejal seperti kayu atau manik haba:

- Barbeku atau api dengan bahan api ini adalah dilarang dan diharamkan semasa tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Day).

Terdapat banyak perkara-perkara lain yang perlu anda ketahui tentang undang-undang mengenai memasak di luar rumah di Victoria.

Lawati [cfa.vic.gov.au/languages](http://cfa.vic.gov.au/languages)

\* Syarat-syarat khas dikenakan ke atas pengusaha katerering komersil.  
Lihat [cfa.vic.gov.au/languages](http://cfa.vic.gov.au/languages) untuk butiran.



Imbas kod QR untuk mengetahui lebih lanjut.  
**Bersama-sama kita boleh kekal selamat  
daripada kebakaran.**